

E-BULETIN
EDISI
2023



Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



SEDEKAH MEMBAWA BERKAT

**Suhaila Sharil &
Nur Faathinah Mohd
Roshdan**

*Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS) &
Akademi Pengajian Bahasa
(APB)*

*UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Rembau*

Tanggal 3 April 2023, satu program telah dilaksanakan oleh Semilang Bidara untuk mengedarkan 300 paket bubur lambuk kepada siswa-siswi Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Program ini mendapat kerjasama daripada pelajar-pelajar kursus N5HPD233D iaitu Khidmat Masyarakat. Pelajar-pelajar telah diberi taklimat terlebih dahulu oleh pensyarah yang bertanggungjawab iaitu Ustazah Suhaila Sharil di Pusat Islam pada jam 5 Petang setelah selesai solat Asar.


Tepat jam 5.30 petang, 300 paket bubur lambuk telah tiba dengan sebuah kenderaan MPV yang dibawa oleh Puan Nur Faathinah Mohd Roshdan bersama suaminya. Pelajar-pelajar mengumpulkan makanan-makanan tersebut di meja-meja yang terletak di Pusat Islam. Tiga kumpulan telah dibahagikan untuk memudahkan pengagihan bubur lambuk tersebut iaitu di Medan Selera, Susur Gajah dan perkarangan kolej serta Pusat Islam. Kebanyakan para pelajar telah selesai menjalani kelas pada jam 6 petang dan beredar meninggalkan fakulti menuju ke Susur Gajah.

Sumbangan 300 Paket
Bubur Lambuk kepada
Pelajar Universiti
Teknologi MARA
Cawangan Negeri
Sembilan Kampus
Rembau



Rata-rata pelajar sangat menghargai makanan yang disediakan untuk berbuka. Selain itu, Pertubuhan IKRAM Kawasan Rembau juga telah menghantar surat kepada Penolong Rektor Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan iaitu Prof. Madya Dr. Muhammad Hakimi Tew Abdullah untuk memberi sumbangan 10 helai telekung kepada Pusat Islam dan banner Ramadan untuk digantung bagi mengimarakkan bulan Ramadan yang mulia. Diharap telekung tersebut dapat menampung para siswi yang bersolat di Pusat Islam. Pertubuhan IKRAM Rembau juga sangat komited untuk membantu dan bekerjasama dalam apa jua program yang dapat membantu pelajar.

Selain itu, Pertubuhan IKRAM Rembau telah bekerjasama dengan Rumah Makan Cibiuk pada 13 April 2023 jam 6 petang untuk menaja makanan iftar kepada 50 orang anak yatim di Maahad Tahfiz As-Saiediyah Seremban, 10 orang anak yatim di Kolej Komuniti Rembau, 10 orang anak yatim di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Rembau dan 10 orang lagi daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau.



Sumbangan pek iftar Rumah Makan Cibiuk
Kepada anak-anak yatim Kolej Komuniti
Rembau, Kolej Kemahiran Tinggi MARA
Rembau & Universiti Teknologi MARA Rembau

Surat hasrat berkenaan tajaan makanan iftar itu telah dihantar kepada Encik Mohd Izlan Bin Idris Pengarah Kolej Kemahiran Tinggi MARA Rembau, Puan Merhayati Binti Sipon Pengarah Kolej Komuniti Rembau dan Prof. Madya Dr. Muhammad Hakimi Tew Abdullah Penolong Rektor Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau. Alhamdulillah maklumbalas yang diterima sangat memberangsangkan dan setiap Institusi Pengajian Tinggi tersebut telah mengenal pasti anak-anak yatim dari institusi mereka dan Majlis Pewakilan Pelajar daripada setiap IPT telah membantu untuk menerima tajaan makanan iftar sebagai wakil institusi yang dihantar terus oleh Rumah Makan Cibiuk ke setiap lokasi. Semoga program seperti ini dapat membantu golongan yang kurang berkemampuan selain daripada menggembirakan mereka sepanjang bulan Ramadan. Terima kasih juga ditujukan kepada Puan Siti Nur Fadzilah Abdullah, Encik Al-Arif Johar Mohd Sabri, Puan Aszulhida Binti Aman dan Puan Fazlina Binti Fadzil di atas pertolongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program-program ini. Ucapan setinggi penghargaan diucapkan kepada Semilang Bidara dan Rumah Makan Cibiuk di atas penajaan pek iftar.